

OKU dapat pembelaan pertubuhan kemasyarakatan

SUNGAI BESI INDAH - Nasib seorang lelaki yang kudung sebelah kakinya selepas menghidap penyakit kencing manis mendapat perhatian sebuah pertubuhan kemasyarakatan apabila dia menerima bantuan kaki palsu baru.

Pesakit berkenaan, Dave Ananda Raj, 47, berkata, sebelum ini dia pernah meminta pertolongan daripada pelbagai pihak untuk mendapatkan sebelah kaki palsu namun hampa apabila tidak mendapat respons positif.

Menurut Ananda, sebelum ini dia bekerja dengan sebuah syarikat swasta namun apabila kaki kirinya terpaksa dipotong, dia tidak dapat meneruskan pekerjaannya seperti biasa.

"Isteri saya bekerja sebagai pembantu tadika dan pendapatannya yang tidak seberapa menyebabkan kami tidak dapat menampung perbelanjaan membeli kaki palsu untuk saya," katanya.

"Dalam keadaan yang kudung sebegini, berapa jauh sangat saya boleh berjalan untuk meminta bantuan malah saya kasihan-kasihan apabila melihat isteri yang terpaksa mencari nafkah untuk kami sekeluarga.

"Sepatutnya sebagai lelaki tanggungjawab itu adalah terletak pada bahu saya dan kekurangan ini sebenarnya bukannya penghalang untuk meneruskan hidup," katanya.

Katanya, dia bersyukur dalam kepayahan untuk meminta bantuan untuk



Ananda dipakaikan kaki palsu baru sumbangan pertubuhan kemasyarakatan itu.

mendapatkan kaki palsu masih ada insan dan pertubuhan prihatin dengan nasibnya.

"Saya sering menangis kerana tidak dapat bekerja dan mencari nafkah untuk keluarga sedangkan mempunyai dua anak yang masih memerlukan sumber kewangan untuk bersekolah.

"Kini, saya menjual sup herba secara kecil-kecilan sekurang-kurangnya dapat mengurangkan beban yang ditanggung isteri untuk meneruskan hidup," katanya.

Beliau yang ditemui mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang membantunya mendapatkan kaki palsu berkenaan dan membolehkannya berjalan dengan lebih mudah.

Majlis penyerahan kaki palsu berharga kira-kira RM7,000 itu disampaikan Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) G S Anthony Joseph Xavier.

Hadir sama ke program berkenaan Ahli Majlis MPSJ, Chang Kim Loong dan Chia Kwai Loy.